



MAJLIS BANDARAYA IPOH

**ARAHAN KEWANGAN BIL. 08/2022**

Rujukan : Bil (45) dlm.MBI.B1/12/1/12 Jld 2

Jabatan Perbendaharaan  
Majlis Bandaraya Ipoh

18 Ogos 2022

Setiausaha Bandaraya,  
Semua Pengarah Kanan,  
Semua Ketua Jabatan / Unit / Bahagian,  
Semua Pembantu Tadbir (Kanan)  
Majlis Bandaraya Ipoh.

**KAWALAN PENGGUNAAN PERUNTUKAN JABATAN LAIN**

Dengan hormatnya saya memohon perhatian tuan/puan mengenai perkara di atas.

2. Berhubung dengan perkara ini, dimaklumkan bahawa terdapat beberapa penemuan yang telah dikenalpasti dan dikhuatiri akan menjadi amalan dalam urusan pembayaran Majlis, di mana terdapat Jabatan/ Unit yang menggunakan peruntukan belanjawan di bawah kawalan PTJ/PK daripada Jabatan / Unit lain tanpa kebenaran.

3. Sehubungan dengan itu, adalah menjadi tanggungjawab setiap Ketua Jabatan / Unit untuk memastikan bahawa setiap perbelanjaan yang dibuat adalah merujuk kepada peruntukan Bajet 2022 yang telah pun diluluskan. Walau bagaimanapun, sekiranya perbelanjaan tersebut didapati benar-benar perlu dan dikhuatiri akan menjejaskan perkhidmatan Majlis, Ketua Jabatan / Unit perlulah mematuhi tatacara berikut:-

3.1 Jabatan Pemohon **hendaklah mendapatkan sokongan daripada Ketua Jabatan yang telah dibajetkan terlebih dahulu** dalam menimbangkan sama ada untuk menyokong atau tidak sesuatu permohonan tersebut sebelum dipanjangkan kepada Pengurusan Majlis;

3.2 Ketua Jabatan (Jabatan yang Dipohon) hendaklah memastikan **peruntukan yang telah dirancang dalam Justifikasi Bajet Tahunan** tidak terjejas sekiranya membenarkan Jabatan Pemohon menggunakan peruntukan belanjawan di bawah kawalannya;

3.3 Sekiranya peruntukan di Jabatan /Unit **perlu digunakan sepenuhnya, permohonan vireman boleh dikemukakan jika hanya baki peruntukan telah mencapai 5% atau kurang** daripada peruntukan asal yang telah disediakan.

4. Kerjasama, perhatian dan tindakam semua anggota bagi perkara ini amatlah dihargai. **Pelaksanaan Arahan Kewangan ini adalah berkuatkuasa serta merta.**

**ARAHAN KEWANGAN BIL. 08/2022**

Rujukan : Bil (45) dlm.MBI.B1/12/1/12 Jld 2

**KAWALAN PENGGUNAAN PERUNTUKAN JABATAN LAIN**

Sekian dimaklumkan, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

**“IPOH BESTARI SEJAHTERA”**

**“IPOH BANDAR RAYA TERBERSIH 2023”**

**“IPOH BANDAR RAYA PINTAR DAN RENDAH KARBON 2030”**

Saya yang menjalankan amanah,

  
**(DATO' HAJI RUMAIZ BIN BAHARIN @ MD DAUD)**

Datuk Bandar Ipon  
Majlis Bandaraya Ipon

**'PERAK MAKMUR RAKYAT SEJAHTERA'**